

CNS7215

U GB 27-12 00200 BH646

aab

(Ulang hantar kerana menambah fakta pada para tiga)

Mahathir - Bahasa (Bergambar)

INGGERIS SEBAGAI BAHASA PENGHANTAR MATAPELAJARAN TEKNIKAL, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan membenarkan bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa penghantar bagi matapelajaran berunsur teknologi di universiti dan kolej tempatan secepat mungkin.

Perdana Menteri berkata perkara itu telah dibincangkan oleh Kabinet, yang memutuskan bahawa langkah seumpama itu perlu diambil sekiranya Malaysia mahu terus berdayasaing pada peringkat antarabangsa.

"Kita akan gunakan bahasa Inggeris di mana perlu kerana kita tidak boleh membenarkan kecekapan dan kebolehan rakyat kita kurang daripada kecekapan rakyat negara asing," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perisytiharan identiti syarikat untuk kereta nasional Malaysia kedua, "Perodua Kancil", di sini.

Langkah seumpama itu juga perlu diambil kerana negara ini menghadapi masalah kekurangan kepakaran untuk menterjemahkan buku-buku bercorak teknikal ke dalam bahasa Melayu dan dengan itu adalah lebih mudah jika rakyat negara ini menguasai bahasa Inggeris.

"Jadi daripada segi pragmatiknya kita perlu (menguasai bahasa Inggeris). Kita punya pendapat ialah kalau kita sudah jadi bangsa yang berjaya, dengan sendirinya bahasa kita akan dihormati dan juga akan berjaya. -- lagi

▼27/12/15-32MST

CNS7199

R GB 27-12 00137 BH643

aab

Mahathir - Bahasa 2 Kuala Lumpur

"Tapi bangsa yang tidak berjaya walaupun dia pegang kuat pada bahasanya, bahasanya tidak akan dihormati oleh sesiapa," kata Dr Mahathir.

Katanya, Malaysia perlu menentukan kentamaannya dalam perkara ini kerana "kita tidak boleh membenarkan negara kita ketinggalan. Kalau tidak kita tidak kompetitif (tidak berdayasaing)."

Perdana Menteri berkata kebenaran menggunakan bahasa Inggeris itu akan dilaksanakan secepat mungkin bagi matapelajaran bercorak teknikal seperti kejuruteraan dan perubatan.

Ditanya sama ada pihak universiti boleh membuat keputusan sendiri atau perlu menunggu arahan kerajaan sebelum menentukan bahasa penghantar bagi sesuatu matapelajaran, beliau berkata: "Kita belum tentukan lagi, tapi inilah pendekatan yang kita akan pilih."

Mengenai kemungkinan Akta Universiti dan Kolej Universiti dipinda untuk tujuan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan belum mempunyai rancangan untuk berbuat demikian. -- lagi

▼27/12/15-08MST

CNS7200

R GB 27-12 00078 BH644

aab

Mahathir - Bahasa 3 (akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun, katanya, kerajaan sedia mengkaji perkara itu jika perlu walaupun tidak mempunyai sebab tertentu untuk berbuat demikian.

Ditanya mengenai rancangan University of London membuka kampus cawangannya di sini, Perdana Menteri berkata perkara itu boleh dilakukan asalkan universiti itu mematuhi undang-undang yang ada.

Pembukaan kampus itu mungkin boleh dilakukan tanpa perlu meminda Akta Universiti dan Universiti Kolej, katanya. -- Bernama

JO SIA

▼27/12/15-09MST